

# 'Rakyat tak perlu sebarang spekulasi'

**SENAI** – Ahli politik dan rakyat di negara ini disarankan tidak membuat spekulasi mengaitkan peristiwa pencerobohan di Sabah sebagai agenda politik parti tertentu sebaliknya insiden itu merupakan ancaman keselamatan negara.

Ketua Pusat Penyelidikan Kelestarian dan Pembangunan Insan (Infan), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Dr Mohd Akbal Abdullah berkata, sebarang spekulasi tidak akan menyumbang kepada keamanan negara sebaliknya mengeruhkan keadaan.

“Rakyat tidak perlu dengar sebarang spekulasi atau teori konspirasi yang mula ditimbulkan mengenai peristiwa ini kerana yang lebih penting kita perlu sedar bahawa negara kita sudah diceroboh.

“Rakyat kini sudah berasa terancam jadi, tidak perlu libatkan mana-mana parti dalam hal ini kerana kita perlu lihat ia dari sudut keselamatan dan bukannya menuding jari menyalahkan orang lain,” katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Mohd Akbal berkata, spekulasi yang timbul dipercayai berpunca daripada pihak luar yang cuba mengambil kesempat-



**MOHD AKBAL**

an untuk mengeruhkan keadaan di negara ini terutamanya menjelang musim pilihan raya umum (PRU) ketika ini.

Selain itu katanya, kumpulan penceroboh berkenaan perlu menghormati perjanjian yang dimeterai pemimpin terdahulu dan menerima keputusan rakyat Sabah yang ingin merdeka bersama Malaysia.

“Sabah adalah hak negara ini yang diwarisi daripada penjajah British selepas perjanjian dimeterai antara pemimpin Kesultanan Sulu.

“Malah referendum Suruhanjaya Cobolt yang diadakan pada tahun 1963 jelas menunjukkan keinginan rakyat di Sabah untuk bersama-sama Malaysia dan ini perlu dihormati,” katanya.

Katanya, kumpulan mendakwa mereka tentera Kesultanan Sulu itu perlu mendalami sejarah dan memastikan kedaulatan mereka diiktiraf di bumi Filipina sebelum buat tuntutan ke atas Sabah.

“Mereka sendiri pun tidak merdeka, tanah Kesultanan Sulu di Filipina juga masih di bawah penguasaan kerajaan pemerintah,” katanya.